

Headline	Ciri-ciri konglomerat hebat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Jun 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	511 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 10,192	PR Value	RM 30,576



# Ciri-ciri konglomerat hebat



KEJAYAAN bank terbesar Malaysia, Malayan Banking Bhd. (Maybank) mencapai modal pasaran mencapai RM100 bilion telah menjadikan Maybank sebagai syarikat tempatan pertama yang mencapai nilai tersebut. Tahniah buat pemegang saham utamanya iaitu Perbadanan Nasional Berhad (PNB) yang telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan sebagai pelabur institusi. Sebagai sebuah konglomerat terbesar yang disenaraikan di Bursa Malaysia, kejayaan ini sewajarnya diikuti oleh syarikat-syarikat tempatan lain yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Bursa Malaysia memerlukan lebih banyak syarikat bersaiz mega yang memiliki kehebatan tersendiri. Kehebatan inilah yang boleh membawa limpahan ekonomi dan kewangan kepada negara dan rakyat Malaysia.

Konglomerat yang hebat perlu memiliki ciri-ciri tertentu, antaranya kualiti dan nilai yang tinggi buat pelabur, negara dan rakyat Malaysia. Apabila memiliki kualiti dan nilai yang tinggi, maka impak sumbangan yang begitu besar terhadap pihak berkenaan akan sentiasa mampu direalisasikan.

Nilai ini umpsama seorang pemain bola sepak antarabangsa yang sentiasa didambakan oleh kelab-kelab bola sepak ternama di dunia kerana kehebatan mereka yang tersendiri. Oleh kerana terlalu didambakan oleh kelab-kelab bola sepak ternama di dunia, maka kelab-kelab ini sanggup membayar jumlah yang begitu tinggi untuk mendapatkan pemain tersebut. Malah, jumlah ini tidak pernah terjangkau dalam filem kita 10 tahun yang lalu. Perbeutan antara kelab berkenaan menggambarkan betapa pemain-pemain tersebut bakal memberi manfaat besar yang akan dinikmati oleh kelab yang berjaya memperoleh pemain tersebut. Inilah yang dikatakan sebagai kualiti dan nilai yang begitu tinggi. Maka, syarikat-syarikat Malaysia perlu juga memiliki kualiti dan nilai yang dikehendaki sehingga bergelar konglomerat hebat di peringkat antarabangsa.

Seiring dengan kualiti dan nilai yang tinggi, sebuah syarikat kong-

lomerat yang hebat perlu menunjukkan prestasi memberangsangkan. Prestasi ini perlu mencakupi semua aspek secara menyeluruh.

Analoginya, sebuah pasukan bola sepak ternama seperti Real Madrid, Manchester United dan Juventus tidak mampu mencipta kehebatan jika keseluruhan pasukan tidak memiliki prestasi yang tinggi. Dari aspek pengurusan, kejurulatihan dan pemain, kesemuanya perlu menunjukkan prestasi yang tinggi. Malah, bukan setakat memiliki tetapi juga mengekalkan prestasi yang tinggi secara mapan. Tidak boleh hanya setakat menunjukkan prestasi dalam sebahagian pertandingan liga tetapi sebahagian yang lain mempamerkan prestasi buruk. Mampukah pasukan seperti ini meraih pelbagai kejayaan di peringkat antarabangsa? Tentu sekali tidak!

Sebab itulah, syarikat tempatan terutamanya yang disenaraikan di Bursa Malaysia yang ingin bergelar konglomerat hebat perlu memiliki ciri-ciri yang selayaknya.

Dengan pelbagai cabaran ekonomi, kewangan dan geopolitik antarabangsa yang sukar diramalkan kini, ciri berprestasi tinggi yang mapan mampu menjadikan konglomerat Malaysia kekal hebat bukan setakat di peringkat tempatan tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Satu aspek yang tidak boleh sesekali dipinggirkan dalam realisasikan konglomerat hebat tidak lain tidak bukan adalah tadbir urus yang baik. Dalam hal ini, kita boleh lihat kesungguhan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) membantu syarikat-syarikat Bursa Malaysia dalam mengamalkan tadbir urus baik dengan mengeluarkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017. Tadbir urus korporat ini banyak ber�antung terhadap akauntabiliti setiap pihak yang terlibat dalam mentadbir urus syarikat. Paling utama sudah tentulah peranan ahli lembaga pengarah syarikat.

Di Malaysia, ahli lembaga pengarah terdiri daripada ahli lembaga pengarah bebas, ahli lembaga pengarah bukan eksekutif tidak bebas dan ahli lembaga pengarah eksekutif. Setiap darip-

Headline	Ciri-ciri konglomerat hebat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Jun 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	511 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 10,192	PR Value	RM 30,576

da mereka mempunyai peranan masing-masing.

Misalnya, ahli lembaga pen- garah bebas perlu berani mem- beri idea dan mencabar sebarang perkara yang dibincangkan dalam setiap mesyuarat ahli lembaga pengarah. Mereka tidak boleh sekadar duduk diam walhal ciri kebebasan itu sendiri menggambarkan betapa syarikat memerlukan idea yang adil tanpa rasa bimbang untuk dikemukakan kepada keseluruhan ahli lembaga peng- rah mahupun jawatankuasa kecil ahli lembaga pengarah yang ditubuhkan.

Ahli lembaga pengarah pula diketuai oleh seorang individu sebagai pengurus ahli lembaga pengarah. Pengurus bertang- gungjawab memastikan tadbir urus korporat yang baik sen- tiasa diamalkan oleh syarikat, selain daripada kepimpinan dan keberkesanannya setiap ahli lembaga pengarah. Malah, pengurus itu sendiri perlu memiliki kewibawaan dari segi kepimpinan agar ahli lembaga pengarah

lain menghormatinya dan berke- upayaan melaksanakan setiap tindakan dengan berkesan.

Pengerusi juga perlu mengambil kira pandangan ahli lembaga pengarah yang lain agar dapat mewujudkan situasi perbincangan dan penglibatan yang aktif dalam kalangan ahli lembaga pengarah dalam setiap mesyuarat yang berkaitan. Sebab itulah aspek kepimpinan cukup penting dalam memastikan kewibawaan pengurus sentiasa terpelihara. Dengan kata mudah, pengurus perlu memiliki kebijaksanaan dalam mentadbir urus sesuatu situasi terutamanya yang boleh memberi kesan negatif terhadap reputasi syarikat.

Setiap tindakan yang dilakukan perlu menitikberatkan kesannya terhadap pemegang taruh syarikat. Dalam hal ini, pengurus perlu sentiasa mengambil langkah yang tepat bagi memastikan komunikasi berkesan dapat dilaksanakan kepada setiap pemegang taruh syarikat. Pada masa sama, mengurus hubungan baik antara ahli lembaga pengarah dan pihak

pengurusan syarikat.

Selain pengurus, peranan ahli lembaga pengarah eksekutif ter- utamanya Ketua Pegawai Ekse- kutif (CEO) cukup penting dalam mewakili suara pihak penguru- san. Sebagai ahli lembaga peng- rah eksekutif dan ketua bagi pihak pengurusan tertinggi, CEO perlu memastikan prestasi syarikat kekal tinggi dalam tempoh masa pendek dan jangka masa panjang.

Setiap isu yang melibatkan tad- bir urus korporat perlu diselesaikan dengan kadar segera agar tidak memburukkan keadaan sehingga memberi mesej yang tidak baik ke- pada pelabur dan bakal pelabur.

Dalam hal ini, reputasi syarikat perlu sentiasa dijaga. Di sinilah pentingnya penglibatan semua pihak dalam meningkatkan jumlah syarikat senaraian awam Ma- laysia kepada konglomerat hebat lagi unggul di peringkat global.

**DR. ROHAMI SHAFIE** ialah Pensyarah, Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia (UUM).



**BURSA** Malaysia memerlukan lebih banyak syarikat bersaiz mega yang memiliki kehebatan tersendiri sehingga mampu membawa limpahan ekonomi dan kewangan kepada rakyat dan negara. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN